

SIARAN MEDIA

MESYUARAT JAWATANKUASA BERSAMA PENYELARAN INDUSTRI (JBI) DENGAN NEGERI SABAH, 21 OKTOBER 2019

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah mengadakan satu Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Penyelaras Industri (JBI) bersama Kerajaan Negeri Sabah hari ini, bertempat di Bilik Mesyuarat Pusat Pentadbiran Negeri Sabah. Mesyuarat ini telah dipengerusikan bersama oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal, Ketua Menteri Sabah dan YB Datuk Darell Leiking, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

MITI telah menganjurkan Mesyuarat JBI sejak tahun 1991 dengan kerjasama pelbagai Kerajaan Negeri sebagai platform pertemuan antara pihak Kerajaan Persekutuan dengan pihak Kerajaan Negeri yang bertujuan untuk membincangkan dan menyelesaikan isu-isu berkaitan pembangunan perindustrian dan pelaburan di peringkat negeri seluruh Malaysia. Penganjuran Mesyuarat JBI ini juga menunjukkan komitmen MITI untuk meneruskan kolaborasi dengan pihak Kerajaan Negeri dalam mempergiatkan usaha ke arah membangunkan persekitaran pelaburan, perdagangan dan perniagaan yang lebih kondusif menerusi pendekatan khusus bagi setiap negeri. Kali terakhir MITI mengadakan JBI bersama Negeri Sabah adalah pada 25 Oktober 2011.

Mesyuarat JBI bersama pihak Kerajaan Negeri Sabah kali ini telah membincangkan kertas pembentangan daripada pihak Kerajaan Sabah berkenaan penyelesaian isu dan masalah yang timbul dalam pembangunan industri di Negeri Sabah. Di antara isu yang telah dibincangkan adalah usaha untuk memperbaiki sistem kemudahan tenaga elektrik dan internet di Sabah selain daripada usaha sama Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk memudahcara operasi berkaitan *palm oil industrial clusters* (POIC) yang berada di Sabah.

Mesyuarat turut membincangkan peluang kolaborasi antara MITI, Kerajaan Negeri Sabah dan pihak industri untuk meningkatkan pembangunan strategik di Sabah seperti pembangunan hab aeroangkasa Borneo dan perbincangan untuk terus menjana kemajuan dalam inisiatif-inisiatif mobiliti termasuk automotif, robotik dan *internet-of-things* (IoT) di Sabah.

Menurut YB Menteri, melalui Mesyuarat JBI ini, pihak Kementerian juga telah dapat mengadakan perkongsian maklumat terkini berkaitan program dan inisiatif di bawah Kementerian dalam membantu serta memudahkan aktiviti-aktiviti perdagangan dan perindustrian di Negeri Sabah. Ini termasuk program-program dan inisiatif dalam mendapatkan pelaburan berkualiti tinggi ke Sabah serta meningkatkan eksport produk dan perkhidmatan Negeri Sabah ke peringkat antarabangsa.

Dari segi prestasi perdagangan Negeri Sabah, jumlah perdagangan melalui pintu masuk/keluar di Sabah pada tahun 2018 ialah sebanyak RM53.65 bilion, meningkat sebanyak 3.4% berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Nilai eksport yang dicatatkan adalah RM42.40 bilion manakala jumlah import sebanyak RM11.25 bilion.

Jumlah perdagangan pada bulan Januari hingga Ogos 2019 ialah sebanyak RM31.99 bilion dengan nilai eksport sebanyak RM24.39 bilion dan jumlah import sebanyak RM7.6 bilion.

YB Menteri juga melaporkan bahawa dari tahun 2000 hingga 2018, sebanyak 538 projek pengilangan telah diluluskan di Sabah dengan nilai modal sebanyak RM34.7 bilion dan menyediakan 41,494 peluang pekerjaan kepada rakyat Sabah. Pada tahun 2018, sebanyak 13 projek pengilangan telah diluluskan dengan pelaburan bernilai RM227.3 juta. Bagi tahun 2019 daripada bulan Januari sehingga bulan Jun pula, sebanyak empat projek pengilangan juga telah diluluskan dengan pelaburan bernilai RM675.1 juta di Sabah.

YB Menteri juga memaklumkan bahawa hubungan erat akan dijalinan dengan Kerajaan Negeri Sabah melalui perjumpaan seumpama ini di samping dapat menyelesaikan isu dan masalah yang dihadapi diperingkat negeri serta memperkukuhkan lagi hubungan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

-TAMAT-

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

21 OKTOBER 2019

Untuk maklumat lanjut, boleh hubungi kami:

**Bahagian AKI dan Seranta
Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri**

Level 15, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur
Malaysia

Telefon : (603) 6200 0459 / 6200 0461
Fax : (603) 6211 3174
E-mail : allaki@miti.gov.my

Mengenai MITI:

Kementerian Perniagaan dan Industri ditubuhkan pada April 1956 dan dinamakan semula sebagai Kementerian Perdagangan dan Industri pada Februari 1972. Pada 27 Oktober 1990, Kementerian tersebut telah dipecahkan kepada dua iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

MITI ialah penggerak utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara sebagai negara yang berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Media enquiries

**Ministry of International Trade & Industry
Strategic Communications Unit**

Tel +603 6200 0083
Fax +603 6206 4293
E-mail allpegkomunikasikorporat@miti.gov.my